

Program: Training of Trainer – Memupuk STEM di kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) oleh Pelatih Berkeperluan Khas

Tarikh: 28 Feb 2022 – 3 March 2022

Tempat: Makmal SUN 1, Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Kolej Pengajian Kejuruteraan

Penganjur: Persatuan IC DIDIK, PKE, KPK & Unit Perkhidmatan OKU (UPO), UiTM

Alumni:

1. En. Idris Zainal Abidin
2. Ts. Dr. Mohamad Farid Misnan

Program ini diadakan bagi mendukung aspirasi Sustainable Development Goals (SDG) yang ke -6 iaitu “Quality Education” yang mempromosikan kesetaraan pendidikan kepada semua golongan dan lapisan masyarakat termasuk juga golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Malahan, di dalam Akta OKU 2008 dan Pelan Tindakan OKU 2016-2022, pemantapan dan pemberdayaan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia telah diberi penekanan oleh Kerajaan Malaysia. Bersempena dengan ini, kursus Stem Train-Of-Trainers (Tot) Anjuran Bersama Perkhidmatan OKU, UiTM dan Kolej Pengajian Kejuruteraan telah dirancang di mana intipati utama bengkel ini adalah untuk membantu Mahasiswa OKU cakna dengan perkembangan teknologi dan STEM pada masa kini. Penganjuran yang ulung kalinya oleh KPK yang melibatkan peserta dari Mahasiswa OKU ini akan menjadi pencetus kepada perlaksanaan program komuniti yang berimpak tinggi kepada masyarakat OKU di luar UiTM pada masa hadapan.

Program ini telah dilaksanakan secara hybrid (70% penyampaian ZOOM:BIT Robot Car Kit for micro:bit dan secara bersemuka, 30% majlis perasmian dan penutup atas talian melalui platform Webex (Cisco) yang berlangsung pada 28 Februari sehingga 3 Mac 2022. Tetamu Kehormat (VVIP) yang hadir bagi memberi ucapan majlis perasmian ialah Pengarah Unit Perkhidmatan OKU (UPO) UiTM, PM Ts. Dr. Roslinda Alias, Koordinator ICAN Kolej Pengajian Kejuruteraan, PM Ir. Dr. Norashikin M. Thamrin dan program ini telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian Kejuruteraan, Prof. Sr. Ir. Dr. Haji Suhaimi Bin Abdul Talib melalui rakaman video. Melalui program ini, penceramah En Idris Bin Zainal Abidin yang merupakan Digital Marketing Engineer di syarikat Cytron Technologies Sdn. Bhd. telah memberikan pengenalan dan tatacara penggunaan perkakasan pengaturcaraan ZOOM:BIT Robot Car Kit kepada para peserta. Selain itu, penceramah jemputan dari UiTM Pasir Gudang iaitu Ts. Dr Mohamad Farid Bin Misnan turut membantu para peserta dan dua orang fasilitator untuk memahami gerak kerja secara berpasukan dan mengambil langkah yang proaktif bagi memudahkan mereka memahami penggunaan ZOOM:BIT.



